
IKON SYABAB

40 HADIS AMALAN 'BIASA' PAHALA BERGANDA

UNTUK DIAMALKAN BERSAMA

40 HADIS AMALAN 'BIASA' PAHALA BERGANDA INI ADALAH RINGKASAN DAN HIMPUNAN DARIPADA KITAB "KELENGKAPAN PARA ABID" KARYA IMAM AL-MUNZIRI



KEPADA SEMUA YANG MEMILIKI NASKAH INI, MOHON DOAKAN SEMUA IKON SYABAB RESOURCES SENTIASA DIBERKATI DAN DILIMPAHI RAHMAT ALLAH SWT

NASKAH INI BUKAN UNTUK TUJUAN KOMERSIAL

1. NIAT

روى عُمَر بْن الخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى المِنْبَرِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى.

Terjemahan: *Umar Al-Khattab meriwayatkan, "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, '**Setiap amalan bergantung kepada niat. Dan setiap orang akan mendapat (ganjaran) menurut apa yang dia niatkan.**'"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

2. Solat; Kaffarah Dosa

روى أَبو هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الصَّلَوَاتُ الخَمْسُ، وَالجُمُعَةُ إِلَى الجُمُعَةِ، كَفَّارَاتٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ، مَا لَمْ تُغْشَ الكَبَائِرُ.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Solat lima waktu, dan Jumaat sehingga Jumaat yang berikutnya merupakan penghapus dosa selagi tidak melakukan dosa-dosa besar**."*

(Riwayat al-Tirmidzi)

Dalam lafaz yang lain, ***"Ramadan sehingga Ramadan yang berikutnya"*** sebagaimana riwayat Muslim.

3. Solat: Amalan untuk mendampingi Rasulullah ﷺ

روى مَعْدَانُ بْنُ أَبِي طَلْحَةَ الْيَعْمَرِيُّ، قَالَ: لَقِيتُ ثَوْبَانَ مَوْلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ أَعْمَلُهُ يُدْخِلُنِي اللهُ بِهِ الْجَنَّةَ؟ أَوْ قَالَ قُلْتُ: بِأَحَبِّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللهِ، فَسَكَتَ. ثُمَّ سَأَلْتُهُ فَسَكَتَ. ثُمَّ سَأَلْتُهُ الثَّالِثَةَ فَقَالَ: سَأَلْتُ عَنْ ذَلِكَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: عَلَيْكَ بِكَثْرَةِ السُّجُودِ لِلَّهِ، فَإِنَّكَ لَا تَسْجُدُ لِلَّهِ سَجْدَةً، إِلَّا رَفَعَكَ اللهُ بِهَا دَرَجَةً، وَحَطَّ عَنْكَ بِهَا خَطِيئَةً، قَالَ مَعْدَانُ: ثُمَّ لَقِيتُ أَبَا الدَّرْدَاءِ فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ لِي: مِثْلَ مَا قَالَ لِي: ثَوْبَانُ.

Terjemahan: *Ma'dan bin Abi Talhah menceritakan, "**Aku bertemu dengan Thauban; maula Rasulullah ﷺ lalu aku berkata, 'Khabarkan kepada aku tentang amalan yang dapat memasukkan aku ke dalam syurga'. Atau berkata, 'Khabarkan kepada aku tentang amalan yang disukai Allah ﷻ.'** Lalu dia diam.*

*Kemudian aku bertanya kali kedua, (namun) dia terus berdiam. Aku bertanya kali ketiga, lalu dia berkata**, 'Aku pernah bertanyakan tentang perkara ini kepada Rasulullah ﷺ, lalu Baginda ﷺ bersabda, 'Hendaklah engkau memperbanyakkan sujud kepada Allah kerana sesungguhnya tidak ada satu pun (perbuatan) sujud kepada Allah melainkan Allah akan mengangkat darjat engkau dan menghapuskan kesalahan engkau.'***

*Ma'dan berkata lagi, '**Kemudian aku bertemu dengan Abu Darda' lalu aku tanyakan kepadanya (soalan yang sama). Maka dia pun menjawab sepertimana jawapan Thauban kepadaku.**'"*

(Riwayat Muslim)

4. Solat: Menghapus dosa, mengangkat darjat.

روى أَبو هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مَنْ بُيُوتِ اللهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللهِ، كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, **"Sesiapa yang membersihkan diri di rumahnya, lalu berjalan kaki menuju ke rumah Allah untuk menunaikan salah satu daripada kefarduan yang ditetapkan Allah, maka bagi setiap langkah kakinya itu akan dihapuskan kesalahan dan diangkat darjatnya."***

(Riwayat Muslim)

5. Solat: Penghapus dosa.

روى أَبو هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: أَرَأَيْتُمْ لَوْ أَنَّ نَهْرًا بِبَابِ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ، هَلْ يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ؟، قَالُوا: لَا يَبْقَى مِنْ دَرَنِهِ شَيْءٌ، قَالَ: فَذَلِكَ مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ، يَمْحُو اللهُ بِهِنَّ الْخَطَايَا.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa dia mendengar Rasulullah ﷺ bersabda,* ***"Apa pendapat kalian sekiranya di hadapan pintu rumah kalian terdapat sebatang sungai yang kalian mandi daripadanya lima kali sehari, adakah masih terdapat sesuatu kotoran (pada diri kalian)?***

*Maka sahabat menjawab, '****Sudah tentu tidak ada sebarang kotoran (pada diri kami).****' Baginda ﷺ kemudiannya bersabda, '****Begitulah perumpamaannya dengan solat lima waktu. Dengannya, (solat lima waktu) Allah membersihkan kamu daripada dosa-dosa.****'"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

6. Syurga untuk ahli masjid

روى أَبو هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ، أَوْ رَاحَ، أَعَدَّ اللهُ لَهُ فِي الْجَنَّةِ نُزُلًا، كُلَّمَا غَدَا، أَوْ رَاحَ.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda,* ***"Sesiapa yang pergi ke masjid atau pulang (darinya), maka Allah akan menyiapkan baginya satu tempat (kedudukan) di syurga setiap kali dia pergi atau pulang.'"***

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

7. Sebaik-baik amalan

روى عبد الله بن مسعود رضي الله عنه، قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ العَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ ؟ قَالَ: الصَّلاَةُ عَلَى وَقْتِهَا، قَالَ: ثُمَّ أَيٌّ ؟ قَالَ: بِرُّ الوَالِدَيْنِ، قَالَ: ثُمَّ أَيٌّ ؟ قَالَ: الجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، قَالَ: حَدَّثَنِي بِهِنَّ، وَلَوِ اسْتَزَدْتُهُ لَزَادَنِي.

Terjemahan: *Abdullah bin Mas'ud menceritakan, "Aku bertanya kepada Rasulullah ﷺ, 'Apakah amalan yang dicintai Allah?' Baginda ﷺ menjawab, '**Solat pada waktunya**.' Kemudian aku bertanya lagi, 'Apakah (amalan yang dicintai Allah) lagi?' Lalu Baginda ﷺ menjawab, '**Berbuat baik dengan ibu bapa.**' Aku bertanya lagi, 'Apakah (amalan yang dicintai Allah) lagi?' Baginda ﷺ pun menjawab, '**Berjihad di jalan Allah.**'*

Ibn Mas'ud menyambung, 'Baginda ﷺ sentiasa menjawab (soalan yang ditanya). Sekiranya aku menambah lagi (soalan), nescaya Baginda ﷺ akan menambah juga (jawapannya).'"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

8. Darjat untuk solat berjemaah

روى أَبو هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ أَحَدِكُمْ وَحْدَهُ بِخَمْسَةٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Solat berjemaah lebih utama berbanding solat secara bersendirian (dengan) dua puluh lima kali juzuk.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى عبد الله بْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

Terjemahan: *Abdullah bin Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Solat berjemaah lebih utama berbanding solat secara bersendirian (dengan) dua puluh tujuh darjat.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

9. 2 rakaat Fajar: Lebih baik daripada dunia dan seisinya

روت عَائِشَة رضي الله عنها، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: رَكْعَتَا الْفَجْرِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا.

Terjemahan: *Sayidatina 'Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Dua rakaat solat sunat fajr (subuh) lebih baik daripada dunia dan seisinya.**"*

(Riwayat Muslim)

Faedah Hadis:

Solat sunat fajr adalah dua rakaat solat sunat sebelum solat fardu Subuh.

10. Kelebihan memelihara solat Asar dan Subuh

روى عُمَارَةَ بْنِ رُؤَيْبَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: لَنْ يَلِجَ النَّارَ أَحَدٌ صَلَّى قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ، وَقَبْلَ غُرُوبِهَا.

Terjemahan: *'Umarah bin Ru'aibah menceritakan, "Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, '**Tidak akan masuk neraka seseorang yang solat sebelum terbit matahari dan sebelum ia terbenam.**'"*

(Riwayat Muslim)

روى أبو موسى الأشعري أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: مَنْ صَلَّى الْبَرْدَيْنِ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Terjemahan: *Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sesiapa yang solat pada dua waktu yang sejuk, maka dia akan masuk syurga.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Faedah Hadis:

Dua solat yang dimaksudkan dalam dua hadis ini adalah,

(i) Solat Subuh (ii) Solat Asar.

11. Solat Duha: Setiap sendi bersedekah

وروى أَبو ذَرٍّ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلَامَى مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَيُجْزِئُ مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى.

Terjemahan: *Abu Dzar meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Dijadikan pada setiap sendi daripada kamu itu ada nilai sedekah. Oleh itu, setiap lafaz tasbih dinilai sedekah, setiap lafaz tahmid dinilai sedekah, setiap lafaz tahlil dinilai sedekah, setiap lafaz takbir dinilai sedekah, setiap suruhan mengerjakan kebaikan dinilai sedekah, setiap larangan terhadap kemungkaran dinilai sedekah. Dan diberikan ganjaran (semua perkara itu) dengan mengerjakan dua rakaat daripada duha.**"*

(Riwayat Muslim)

12. Solat Rawatib Zohor: Diharamkan neraka.

روت أُمُّ حَبِيبَةَ بِنْتُ أَبِي سُفْيَانَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ حَافَظَ عَلَى أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرَّمَهُ اللَّهُ تَعَالَى عَلَى النَّارِ.

Terjemahan: *Ummu Habibah menceritakan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sesiapa yang menjaga (sentiasa mengerjakan) empat rakaat sebelum Zuhur dan empat rakaat selepasnya, nescaya Allah mengharamkannya daripada neraka.**"*

(Riwayat Abu Dawud, al-Tirmidzi, al-Nasa'i dan Ibn Majah)

13. 12 Rakaat sunat sehari: Membina rumah di syurga

روت أُمُّ حَبِيبَةَ، أَنَّهَا سمعت رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يُصَلِّي لِلَّهِ كُلَّ يَوْمٍ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ رَكْعَةً تَطَوُّعًا، غَيْرَ فَرِيضَةٍ، إِلَّا بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.

Terjemahan: *Ummu Habibah meriwayatkan bahawa dia mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "**Tidaklah seseorang hamba (Allah) yang Muslim itu mengerjakan solat sunat 12 rakaat (solat sunat) pada setiap hari melainkan Allah membina baginya sebuah rumah di syurga.**"*

(Riwayat Muslim)

14. Solat yang paling utama

روى أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
أَفْضَلُ الصِّيَامِ، بَعْدَ رَمَضَانَ، شَهْرُ اللهِ الْمُحَرَّمُ، وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ، بَعْدَ
الْفَرِيضَةِ، صَلَاةُ اللَّيْلِ.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sebaik-baik puasa selepas puasa dalam bulan Ramadan ialah puasa pada bulan Muharram.* ***Dan sebaik-baik solat selepas solat fardu ialah solat (sunat) malam.****"*

(Riwayat Muslim)

15. Fadilat-fadilat puasa.

روى أبو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قالُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ عز وجل: كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ، فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ، وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ فَلاَ يَرْفُثْ وَلاَ يَصْخَبْ، فَإِنْ سَابَّهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ، فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ، وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ المِسْكِ، وَلِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا: إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Allah berfirman, 'Setiap amalan anak Adam itu adalah untuknya melainkan ibadah puasa.* ***Sesungguhnya ia adalah untuk-Ku dan Aku yang memberikan ganjaran kerananya****, dan* ***puasa itu merupakan perisai.*** *Apabila salah seorang daripada kamu berpuasa, maka janganlah (merosakkan puasanya dengan) berkata keji dan memaki hamun. Jika kamu dihina atau diserang (diajak bergaduh), maka katakanlah, 'Sesungguhnya aku sedang berpuasa'.* ***Demi Allah yang jiwa Muhammad ﷺ di tangan-Nya, bau mulut orang yang sedang berpuasa lebih harum di sisi Allah pada hari Kiamat kelak daripada bau kasturi. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan; Gembira ketika berbuka puasa dan ketika bertemu Allah (pada hari Kiamat kelak).****'"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى أَبو سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا مِنْ عَبْدٍ يَصُومُ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللهِ، إِلَّا بَاعَدَ اللهُ، بِذَلِكَ الْيَوْمِ
وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا

Terjemahan*: Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "***Sesiapa dalam kalangan hamba-Ku yang berpuasa sehari semata-mata kerana Allah pasti akan dijauhkan wajahnya daripada api neraka selama 70 kharif dengan puasa sehari tersebut.***"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kharif: Tahun.

16. Puasa Muharram

روى أَبو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
أَفْضَلُ الصِّيَامِ، بَعْدَ رَمَضَانَ، شَهْرُ اللهِ الْمُحَرَّمُ

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sebaik-baik puasa selepas puasa bulan Ramadan ialah pada bulan Muharam.**"*

(Riwayat Muslim)

17. Puasa Asyura

سُئِلَ عبدالله بْن عَبَّاسٍ عَنْ صِيَامِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ فَقَالَ: مَا عَلِمْتُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَامَ يَوْمًا يَطْلُبُ فَضْلَهُ عَلَى الْأَيَّامِ إِلَّا هَذَا الْيَوْمَ - يعني يوم عاشوراء- وَلَا شَهْرًا إِلَّا هَذَا الشَّهْرَ -يعني شهر رمضان-

Terjemahan: *Abdullah bin 'Abbas pernah ditanya berkenaan puasa pada hari 'Asyura. Lalu dia menjawab, "**Setakat yang aku tahu, Rasulullah ﷺ tidak pernah berpuasa pada hari tertentu kerana mengharapkan fadilat dan kelebihan hari tersebut melainkan hari ini -'Asyura-, juga tidak pada bulan tertentu melainkan bulan ini -bulan Ramadan-.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى أَبو قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ صَوْمِهِ...فذكر الحديث إلى قوله... وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ؟ فَقَالَ: يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ

Terjemahan: *Abu Qatadah al-Ansoriy meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah ditanya berkenaan puasa Baginda. (Dipendekkan hadis sehinggalah pertanyaan berkenaan)* ***dan ditanya tentang puasa hari 'Asyura.*** *Lalu Baginda ﷺ menjawab, "**Dihapuskan dosa-dosa setahun yang lalu.**"*

(Riwayat Muslim)

18. Puasa Syaaban

روت عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يَصُومُ، وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ قَطُّ إِلَّا رَمَضَانَ وَمَا رَأَيْتُهُ فِي شَهْرٍ أَكْثَرَ مِنْهُ صِيَامًا فِي شَعْبَانَ

وفي مسلم قالت عائشة: وَلَمْ أَرَهُ صَائِمًا مِنْ شَهْرٍ قَطُّ، أَكْثَرَ مِنْ صِيَامِهِ مِنْ شَعْبَانَ كَانَ يَصُومُ شَعْبَانَ كُلَّهُ، كَانَ يَصُومُ شَعْبَانَ إِلَّا قَلِيلًا

Terjemahan: *Diriwayatkan bahawa Sayidatina Aisyah berkata, "Dahulunya Rasulullah ﷺ sering berpuasa sehingga kami mengatakan (seolah-olah) Baginda tidak pernah berbuka (tidak berpuasa). Dan Nabi ﷺ juga sering tidak berpuasa sehingga kami mengatakan (seolah-olah) Baginda ﷺ tidak pernah berpuasa. Dan aku tidak pernah melihat Baginda ﷺ menyempurnakan puasa sebulan penuh melainkan pada bulan Ramadan.* ***Aku juga tidak pernah melihat Baginda ﷺ paling banyak berpuasa (sunat) melainkan pada bulan Syaaban.****"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat Muslim, Sayidatina Aisyah berkata, "Aku juga tidak pernah melihat Baginda ﷺ berpuasa (hampir) sebulan penuh melainkan pada bulan Syaaban. Baginda ﷺ pernah berpuasa penuh ketika Syaaban, juga berpuasa padanya melainkan sebilangan hari sahaja."

19. Puasa Ramadan

روى أَبو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ، وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ، وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Apabila masuknya bulan Ramadan, maka akan dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka serta dibelenggu syaitan-syaitan.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى أَبو هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, nescaya akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

20. Puasa Enam Syawal

روى أَبو أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

Terjemahan: *Abu Ayyub al-Ansoriy meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan kemudian dituruti enam hari pada bulan Syawal, maka (dikira) puasanya itu seperti sepanjang tahun.**"*

(Riwayat Muslim)

21. 10 Hari terbaik

روى ابْن عَبَّاسٍ رضي الله عنهما قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صلى اللهُ عليه وسلَّم: مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهِنَّ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَقَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ؟ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

Terjemahan: *Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda, "**Tiada hari yang paling disukai Allah untuk melakukan amalan soleh melainkan pada 10 hari awal bulan Zulhijah.** Sebilangannya bertanya, 'Sekalipun berjihad pada jalan Allah?' Lalu Baginda ﷺ menjawab, '**Sekalipun berjihad pada jalan Allah melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad dengan nyawa dan hartanya dan tidak kembali daripadanya dengan (membawa) apa-apa.**'"*

(Riwayat al-Bukhari)

22. Kelebihan Puasa Pada Hari Arafah, Puasa Tiga Hari Setiap Bulan dan Puasa Hari Isnin

روى أَبو قَتَادَةَ الْأَنْصَارِيّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنْ صَوْمِهِ. قَالَ: فَغَضِبَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: رَضِينَا بِاللهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِبَيْعَتِنَا بَيْعَةً. قَالَ: فَسُئِلَ عَنْ صِيَامِ الدَّهْرِ. فَقَالَ: لَا صَامَ وَلَا أَفْطَرَ -أَوْ مَا صَامَ وَمَا أَفْطَرَ- قَالَ: فَسُئِلَ عَنْ صَيامِ يَوْمَيْنِ وَإِفْطَارِ يَوْمٍ. قَالَ: وَمَنْ يُطِيقُ ذَلِكَ. قَالَ: وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمٍ، وَإِفْطَارِ يَوْمٍ. قَالَ: ذَاكَ صَوْمُ أَخِي دَاوُدَ -عَلَيْهِ السَّلَام-. قَالَ: وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الِاثْنَيْنِ. قَالَ: ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ، وَيَوْمٌ بُعِثْتُ وأُنْزِلَ عَلَيَّ فِيهِ. قَالَ: فَقَالَ: صَوْمُ ثَلَاثَةٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ، صَوْمُ الدَّهْرِ. قَالَ: وَسُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ؟ فَقَالَ: يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ

Terjemahan: *Abu Qatadah meriwayatkan, "Rasulullah ﷺ pernah ditanya tentang puasanya. Lalu Baginda pun marah lantas Sayidina Umar berkata, 'Kami redha Allah sebagai tuhan kami, dan Islam sebagai agama kami, dan Rasulullah ﷺ sebagai utusan kami dan baiah kami sebagai baiah.'*

Kemudian Rasulullah ﷺ ditanya tentang puasa sepanjang tahun. Lalu Baginda ﷺ menjawab, 'Sebenarnya dia (dikira) tidak berpuasa dan tidak pula berbuka (kerana tidak diterima puasanya).'

Kemudian Rasulullah ﷺ ditanya berpuasa selang dua hari. Lalu Baginda ﷺ menjawab, 'Bagi sesiapa yang mampu.'
Kemudian Rasulullah ﷺ ditanya tentang puasa selang sehari. Lalu Baginda ﷺ menjawab, 'Itulah puasa Nabi Dawud.'

Kemudian Rasulullah ﷺ ditanya tentang puasa pada hari Isnin. Lalu Baginda ﷺ menjawab, 'Itulah hari aku dilahirkan dan hari aku diutus sebagai rasul dan hari diturunkan wahyu kepadaku.'

Kemudiannya Rasulullah ﷺ menyambung, 'Puasa tiga hari pada setiap bulan dan puasa Ramadan sehingga Ramadan (tahun seterusnya) seolah-olahnya puasa sepanjang tahun.'

Kemudian Rasulullah ﷺ ditanya lagi tentang puasa hari 'Asyura. Lalu Baginda ﷺ menjawab, '(Nescaya) diampunkan dosa-dosa setahun yang lalu.'"

(Riwayat Muslim)

23. Doa malaikat untuk si pemurah dan si bakhil

روى أَبو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ العِبَادُ فِيهِ، إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلاَنِ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا، وَيَقُولُ الآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak berpagi-pagian seseorang hamba itu melainkan turun (datang) dua malaikat kepadanya lalu salah satunya berkata,* ***'Ya Allah, berikanlah pengganti bagi sesiapa yang menafkahkan hartanya.'*** *Manakala malaikat yang satu lagi berkata,* ***'Ya Allah, berikanlah kehancuran (kebinasaan) kepada orang yang menahan hartanya (bakhil).'****"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

24. Sedekah terus berkembang

روى أَبو هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: لَا يَتَصَدَّقُ أَحَدٌ بِتَمْرَةٍ مِنْ كَسْبٍ طَيِّبٍ، إِلَّا أَخَذَهَا اللهُ بِيَمِينِهِ، فَيُرَبِّيهَا كَمَا يُرَبِّي أَحَدُكُمْ فَلُوَّهُ، أَوْ قَلُوصَهُ، حَتَّى تَكُونَ مِثْلَ الْجَبَلِ، أَوْ أَعْظَمَ

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Sekiranya seseorang daripada kamu bersedekah dengan sebutir kurma yang diperolehinya dengan jalan yang baik, nescaya Allah menerimanya dengan tangan kanan-Nya lalu dipeliharanya sepertimana kamu memelihara seekor unta muda sehingga ia menjadi sebesar bukit atau lebih besar lagi.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

25. Sedekah: Walau hanya dengan sepotong tamar

روى عَدِيِّ بْن حَاتِمٍ، عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ ذَكَرَ النَّارَ فَتَعَوَّذَ مِنْهَا، وَأَشَاحَ بِوَجْهِهِ ثَلَاثَ مِرَارٍ، ثُمَّ قَالَ: اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ، فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا، فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ

Terjemahan: *'Adiyy bin Hatim meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ pernah menceritakan perihal neraka lantas Baginda berta'awuz (memohon perlindungan) daripadanya sambil menyapu wajahnya tiga kali lalu bersabda, "**Takutlah kamu akan neraka walaupun dengan separuh daripada belahan tamar. Sekiranya kamu tidak mempunyainya (tamar), maka dengan perkataan yang baik.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

26. Anak kunci 8 pintu syurga

روى عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ، قَالَ: كَانَتْ عَلَيْنَا رِعَايَةُ الْإِبِلِ فَجَاءَتْ نَوْبَتِي فَرَوَّحْتُهَا بِعَشِيٍّ فَأَدْرَكْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمًا يُحَدِّثُ النَّاسَ فَأَدْرَكْتُ مِنْ قَوْلِهِ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهُ، ثُمَّ يَقُومُ فَيُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ، مُقْبِلٌ عَلَيْهِمَا بِقَلْبِهِ وَوَجْهِهِ، إِلَّا وَجَبَتْ لَهُ الْجَنَّةُ، قَالَ فَقُلْتُ: مَا أَجْوَدَ هَذِهِ فَإِذَا قَائِلٌ بَيْنَ يَدَيَّ يَقُولُ: الَّتِي قَبْلَهَا أَجْوَدُ فَنَظَرْتُ فَإِذَا عُمَرُ قَالَ: إِنِّي قَدْ رَأَيْتُكَ جِئْتَ آنِفًا، قَالَ: مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ يَتَوَضَّأُ فَيُبْلِغُ - أَوْ فَيُسْبِغُ - الْوَضُوءَ ثُمَّ يَقُولُ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللهِ وَرَسُولُهُ إِلَّا فُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةُ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ.

Terjemahan: *‘Uqbah bin ‘Amir meriwayatkan, “Kami telah ditugaskan untuk mengembala unta, dan apabila tiba giliranku, aku menghalaunya ke kandang pada waktu petang. Tiba-tiba aku mendapati Rasulullah ﷺ sedang berdiri menyampaikan sesuatu (ucapan) di hadapan orang ramai. Antara perkataan Baginda ﷺ yang aku sempat dengari ialah, ‘Tidaklah seseorang Muslim itu berwuduk dan mengelokkan wuduknya kemudian menunaikan solat dua rakaat dengan penuh khusyuk melainkan diganjarkan dengan syurga. Lalu aku (‘Uqbah) berkata, ‘Sungguh menguntungkan (amalan ini).’ Tiba-tiba seseorang berkata, ‘(Amalan) yang sebelum ini lebih menguntungkan.’ Maka aku melihat, rupa-rupanya Umar (yang berkata). Umar berkata lagi, ‘Aku melihatmu tatkala kamu datang tadi.’ Sabdanya,* ***‘Tidaklah seseorang daripada kamu berwuduk, dan melebihkan (basuhan) wuduknya, kemudian berdoa,***

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللهِ وَرَسُولُهُ

‘Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan -yang berhak disembah- selain Allah. Dan Muhammad adalah hamba dan Rasul-Nya’ melainkan dibukakan kepadanya kelapan-lapan pintu syurga, dan dipersilakan kepadanya untuk memasuki mana-mana pintu yang dikehendakinya.’”

(Riwayat Muslim)

27. Penghulu segala Istighfar

روى شَدَّادُ بْنُ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَيِّدُ الِاسْتِغْفَارِ أَنْ تَقُولَ: اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ. قَالَ: وَمَنْ قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا، فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الجَنَّةِ، وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا، فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الجَنَّةِ.

Terjemahan: *Shaddad bin Aus meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya penghulu kepada istighfar ialah (tatkala) engkau mengucapkan,*

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لاَ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي، فَإِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

'Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tidak ada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Engkau telah menciptakanku dan aku adalah hamba-Mu. Aku menepati perjanjian-Mu dan janji-Mu sesuai dengan kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu daripada keburukan perbuatanku, aku mengakui dosaku kepada-Mu dan aku akui nikmat-Mu kepadaku, maka ampunilah aku. Kerana tidak ada yang dapat mengampuni dosa selain-Mu).'

Sesiapa yang mengucapkannya pada waktu pagi lalu meninggal dunia pada waktu petangnya, maka dia termasuk dalam kalangan ahli syurga. Dan sesiapa yang membacanya pada waktu malam lalu meninggal dunia pada pagi keesokannya, nescaya dia juga termasukdalam kalangan ahli syurga.'"

(Riwayat al-Bukhari)

28. Kelebihan Tasbih

روى أَبُو هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ، كَانَتْ لَهُ عَدْلَ عَشْرِ رِقَابٍ، وَكُتِبَتْ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ وَمُحِيَتْ عَنْهُ مِائَةُ سَيِّئَةٍ، وَكَانَتْ لَهُ حِرْزًا مِنَ الشَّيْطَانِ، يَوْمَهُ ذَلِكَ، حَتَّى يُمْسِيَ وَلَمْ يَأْتِ أَحَدٌ أَفْضَلَ مِمَّا جاءَ بِهِ إِلَّا أَحَدٌ عَمِلَ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ، وَمَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ، فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ حُطَّتْ خَطَايَاهُ وَلَوْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesiapa yang membaca*

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Setiap hari sebanyak 100 kali, maka baginya pahala seumpama membebaskan 10 orang hamba. Bahkan ditulis baginya 100 kebaikan, dipadam baginya 100 keburukan dan diberikan kepadanya perlindungan daripada syaitan pada hari itu sehinggalah waktu petang. Pada hari kiamat kelak, tiada sesiapa pun yang dapat melebihinya (pahala) kecuali orang yang mengamalkan (zikir ini) lebih banyak daripadanya.

Dan sesiapa yang membaca,

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ

Nescaya akan diampunkan dosa-dosanya walaupun sebanyak buih di lautan."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى سعد بن أبي وقاص، قَالَ: كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَكْسِبَ، كُلَّ يَوْمٍ أَلْفَ حَسَنَةٍ؟، فَسَأَلَهُ سَائِلٌ مِنْ جُلَسَائِهِ: كَيْفَ يَكْسِبُ أَحَدُنَا أَلْفَ حَسَنَةٍ؟ قَالَ: يُسَبِّحُ مِائَةَ تَسْبِيحَةٍ، فَيُكْتَبُ لَهُ أَلْفُ حَسَنَةٍ، أَوْ يُحَطُّ عَنْهُ أَلْفُ خَطِيئَةٍ.

Terjemahan: Sa'ad bin Abi Waqqas menceritakan, "Ketika kami bersama Rasulullah ﷺ, tiba-tiba Baginda bertanya, 'Adakah terdapat dalam kalangan kamu yang tidak mampu (lemah) untuk mendapatkan 1000 kebaikan setiap hari?'

*Lalu salah seorang yang berada di situ bertanya, 'Bagaimanakah caranya untuk kami mendapatkan 1000 kebaikan?' Kemudian Baginda ﷺ menjawab, '**Bertasbihlah sebanyak 100 kali, nescaya akan ditulis ke atas kamu 1000 kebaikan dan dipadamkan 1000 kesalahan.**"*

(Riwayat Muslim)

روى أَبُو هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَلِمَتَانِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ، ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ، حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيمِ.

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Dua kalimah yang ringan (diucapkan) pada lidah, tetapi berat timbangannya pada *mizan*, bahkan ia (dua kalimah) disukai al-Rahman,

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيمِ".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

روى أَبُو هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَأَنْ أَقُولَ سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ، أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "Ucapan*

سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَاللهُ أَكْبَرُ،

lebih aku sukai daripada terbitnya matahari.*"*

(Riwayat al-Bukhari)

روى أبو ذرّ رضي الله عنه قال: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلَا أُخْبِرُكَ بِأَحَبِّ الْكَلَامِ إِلَى اللهِ؟، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ أَخْبِرْنِي بِأَحَبِّ الْكَلَامِ إِلَى اللهِ، فَقَالَ: إِنَّ أَحَبَّ الْكَلَامِ إِلَى اللهِ: سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ.

Terjemahan: *Abu Dzar meriwayatkan bahawa Rasuluulah ﷺ bersabda, "Mahukah engkau sekiranya aku khabarkan tentang ucapan yang paling disukai Allah? Aku pun bertanya, 'Wahai Rasulullah! Khabarkan kepada aku apakah ucapan yang paling*

disukai Allah?' Jawab Baginda ﷺ, 'Sesungguhnya ucapan yang paling disukai Allah ￼ ialah

سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ

.'"

(Riwayat Muslim)

روى أَبُو مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الَّذِي يَذْكُرُ رَبَّهُ وَالَّذِي لاَ يَذْكُرُ رَبَّهُ، مَثَلُ الحَيِّ وَالمَيِّتِ.

Terjemahan: *Abu Musa al-Asy'ari meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, "**Perumpamaan bagi orang yang mengingati Allah dengan mereka yang tidak mengingati-Nya seumpama orang yang hidup dengan orang yang mati.**"*

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

29. Kelebihan berselawat.

روى أَبو هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى الله عَلَيْهِ عَشْرًا.

Terjemahan: *Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda,* ***"Sesiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, nescaya Allah akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat."***

(Riwayat Muslim)

30. Berselawat dan mintalah kepada Allah.

وروى عَبْد اللَّهِ بن مسعود، قَالَ: كُنْتُ أُصَلِّي وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَبُو بَكْرٍ، وَعُمَرُ مَعَهُ، فَلَمَّا جَلَسْتُ بَدَأْتُ بِالثَّنَاءِ عَلَى اللَّهِ، ثُمَّ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، ثُمَّ دَعَوْتُ لِنَفْسِي، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: سَلْ تُعْطَهْ، سَلْ تُعْطَهْ.

Terjemahan: *Abdullah bin Mas'ud menceritakan, "Aku pernah solat bersama Rasulullah ﷺ. Pada masa yang sama, Abu Bakar dan Umar juga bersama Baginda ﷺ.* ***Tatkala aku duduk, aku mula memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi ﷺ, kemudian aku berdoa untuk diriku sendiri. Maka Baginda bersabda (kepadaku), 'Mintalah (kepada Allah), nescaya kamu akan diberikan-Nya. Mintalah (kepada Allah), nescaya kamu akan diberikan-Nya.*** *"*

(Riwayat al-Tirmidzi dan Ibn Majah)


40 HADIS AMALAN 'BIASA' PAHALA BERGANDA

UNTUK DIAMALKAN BERSAMA

iKS IKON SYABAB

BUKAN UNTUK TUJUAN KOMERSIAL

40 HADIS AMALAN 'BIASA' PAHALA BERGANDA INI ADALAH RINGKASAN DAN HIMPUNAN DARIPADA KITAB "KELENGKAPAN PARA ABID" KARYA IMAM AL-MUNZIRI



KEPADA SEMUA YANG MEMILIKI NASKAH INI, MOHON DOAKAN SEMUA IKON SYABAB RESOURCES SENTIASA DIBERKATI DAN DILIMPAHI RAHMAT ALLAH SWT

NASKAH INI BUKAN UNTUK TUJUAN KOMERSIAL